

## RISALAH PENDEDAHAN PRODUK

### Premium Waiver Plus Rider

#### Penerangan Pelan

Rider ini mengetepikan semua bayaran premium polisi asas (termasuk premium rider dan Premium Tambahan Berkala) bermula daripada bayaran premium yang akan datang sehingga penamatian bayaran premium iaitu selama 6 tahun jika Pemilik Polisi meninggal dunia, mengalami hilang upaya kekal menyeluruh sebelum umur 70 atau diagnosis daripada mana-mana penyakit kritikal di bawah.

Amaun yang diketepikan daripada Premium Tambahan Berkala (jika ada) akan diperuntukkan ke Dana(-dana) Pelaburan mengikut kadar peruntukan Tahun Polisi yang berkenaan.

Penyakit-penyakit kritikal yang dilindungi oleh rider ini ada seperti berikut:

No.	Penyakit-Penyakit Kritikal	No.	Penyakit-Penyakit Kritikal
1.	<b>Penyakit Alzheimer / Dementia Teruk</b>	25.	<b>Jangkitan HIV Melalui Transfusi Darah</b>
2.	<b>Sindrom Apallic - (ie. Keadaan Vegetatif Berterusan (PVS))</b>	26.	<b>Kegagalan Buah Pinggang</b> - memerlukan dialisis atau transplan buah pinggang
3.	<b>Meningitis Bakteria</b> - mengakibatkan ketidakupayaan kekal untuk melakukan Aktiviti Kehidupan Harian	27.	<b>Kehilangan Upaya Hidup Sendiri (Berdikari)</b>
4.	<b>Tumor Otak Benign</b> - keterangan tertentu	28.	<b>Hilang Keupayaan Bertutur</b>
5.	<b>Buta</b> - Kekal dan Tidak boleh Pulih	29.	<b>Trauma Kepala Major (teruk)</b> - mengakibatkan ketidakupayaan kekal untuk melakukan Aktiviti Kehidupan Harian
6.	<b>Pembedahan Otak</b>	30.	<b>Transplan Organ Utama/Sumsum Tulang</b>
7.	<b>Kanser</b> - keterangan tertentu dan tidak melindungi kanser tahap awal	31.	<b>Penyakit Sistik Medular</b>
8.	<b>Kardiomiopati</b> - keterangan tertentu	32.	<b>Penyakit Neuron Motor</b> - defisit neurologi kekal dengan simptom klinikal berterusan
9.	<b>Anemia Aplastik Kronik</b> - mengakibatkan Kegagalan Kekal Sumsum Tulang	33.	<b>Sklerosis Multipel</b>
10.	<b>Hepatitis Autoimun Kronik</b>	34.	<b>Distrofi Otot</b>
11.	<b>Pankreatitis Kambuh Kronik</b>	35.	<b>Jangkitan Virus Kurang Daya Tahan Penyakit (HIV) Akibat Pekerjaan</b>
12.	<b>Koma</b> - mengakibatkan defisit neurologi kekal dengan simptom klinikal yang berterusan	36.	<b>Kelumpuhan Anggota</b>
13.	<b>Pembedahan Pintasan Arteri Koronari</b>	37.	<b>Penyakit Parkinson</b> - mengakibatkan ketidakupayaan kekal untuk melakukan Aktiviti Kehidupan Harian
14.	<b>Penyakit Creutzfeldt-Jakob</b>	38.	<b>Poliomyelitis</b>
15.	<b>Pekak</b> - Kekal dan Tidak boleh pulih	39.	<b>Hipertensi Arteri Pulmonari Primer</b> - keterangan tertentu
16.	<b>Demam Berdarah Ebola</b>	40.	<b>Skleroderma Progresif</b>
17.	<b>Elephantiasis</b>	41.	<b>Penyakit Arteri Koronari Serius</b>
18.	<b>Ensefalitis</b> - mengakibatkan ketidakupayaan kekal untuk melakukan Aktiviti Kehidupan Harian	42.	<b>Sindrom Eisenmenger yang Teruk</b>
19.	<b>Kegagalan Hati Tahap Akhir</b>	43.	<b>Strok/Angin Ahmar</b> - mengakibatkan defisit neurologi kekal dengan simptom-simptom klinikal berterusan
20.	<b>Penyakit Paru-paru Tahap Akhir</b>	44.	<b>Pembedahan Aorta</b>
21.	<b>AIDS Dengan Gejala Penuh</b>	45.	<b>Lupus Eritematosus Sistemik Dengan Komplikasi Buah Pinggang Yang Teruk</b>
22.	<b>Hepatitis Viral Fulminan</b>	46.	<b>Penyakit Terminal</b>
23.	<b>Serangan Jantung</b> - keterangan tertentu	47.	<b>Kelecuran Tahap Ketiga</b> - keterangan tertentu
24.	<b>Pembedahan Injap Jantung</b>		

Sila rujuk kepada kontrak polisi untuk mendapatkan penerangan-penerangan yang lanjut mengenai penyakit-penyakit kritikal yang dilindungi di bawah rider ini.

Tempoh premium rider adalah 6 tahun. Anggaran premium rider yang perlu anda bayar adalah seperti berikut:-

Mod Pembayaran	Setiap Tahun	Setiap Setengah Tahun	Setiap Suku Tahun	Setiap Bulan
Premium Rider (RM)	<Jumlah>	<Jumlah>	<Jumlah>	<Jumlah>

-Kadar premium untuk rider ini adalah dijamin.

-Polisi ini memberikan tempoh tangguh selama 30 hari bagi pelanggan untuk membayar premium selepas tarikh perlu bayar premium.

-Bayaran komisen kepada ejen untuk rider ini adalah seperti berikut:

Tahun Polisi	% premium rider	Jumlah Komisen (RM)
1	28.50%	<Jumlah>
2	17.00%	<Jumlah>
3	12.50%	<Jumlah>
4	3.50%	<Jumlah>
5	2.00%	<Jumlah>
6	2.00%	<Jumlah>

#### **Pengecualian-pengecualian**

Tiada sebarang manfaat akan dibayar jika:

- (a) Kematian Pemilik Polisi adalah akibat bunuh diri dalam satu (1) tahun dari Tarikh Pengeluaran atau Tarikh Pengembalian Semula rider ini, yang mana lebih kemudian.
- (b) Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal (HUMK) Pemilik Polisi adalah akibat secara langsung atau tidak langsung, sepenuhnya atau sebahagiannya, oleh mana-mana satu (1) kejadian yang berikut:
  - percubaan membunuh diri (sama ada waras atau tidak waras);
  - kecederaan diri sendiri yang disengajakan atau kecederaan yang dialami semasa berada di bawah pengaruh dadah atau alkohol;
  - kecederaan yang dialami semasa melibatkan diri dalam kelajuan yang berbahaya atau pertandingan ketahanan;
  - sebarang aktiviti penerbangan (kecuali sebagai penumpang yang membayar atau krew kapal terbang yang dikendalikan oleh penerbangan antarabangsa dan berlesen untuk perkhidmatan penumpang atas laluan komersial yang berjadual tetap);
  - pelayaran kapal selam;
  - perkhidmatan tentera, polis, tentera laut atau aeronautik;
  - pelanggaran undang-undang atau menentang daripada dituduh;
  - sebarang bentuk hilang upaya yang wujud pada Tarikh Pengeluaran atau Tarikh Pengembalian Semula rider ini, yang mana lebih kemudian;
  - peperangan yang diisyiharkan atau tidak diisyiharkan, revolusi, mogok, aktiviti pengganas atau penyertaan dalam rusuhan dan kekecohan awam; atau
  - keadaan sedia ada\* yang wujud sebelum Tarikh Dikeluarkan atau Tarikh Pengembalian Semula rider ini, yang mana lebih kemudian.
- (c) Penyakit Kritis Pemilik Polisi adalah akibat secara langsung atau tidak langsung oleh:
  - apa-apa penyakit atau pembedaan selain daripada diagnosis atau pembedaan untuk kejadian Penyakit Kritis;
  - tanda-tanda atau simptom Penyakit Kritis dapat dilihat dengan jelas sebelum atau:
    - (i) dalam masa enam puluh (60) hari untuk Kanser (keterangan tertentu dan tidak melindungi kanser tahap awal), Pembedaan Pintasan Arteri Koronari, Serangan Jantung (keterangan tertentu) dan Penyakit Arteri Koronari Serius; atau
    - (ii) dalam masa tiga puluh (30) hari untuk semua Penyakit Kritis lain;
  - dari Tarikh Pengeluaran atau Tarikh Pengembalian Semula rider ini, mengikut mana-mana yang lebih kemudian;
  - keadaan sedia ada\* yang wujud sebelum Tarikh Pengeluaran atau Tarikh Pengembalian Semula rider ini, mengikut mana-mana yang lebih kemudian;
  - kewujudan Penyakit Sindrom Kurang Daya Tahan (AIDS) atau jangkitan akibat Penyakit Virus Kurang Daya Tahan Manusia (HIV). Kami berhak untuk menghendaki Pemilik Polisi untuk menjalani ujian darah untuk HIV sebagai syarat sebelum menerima apa-apa tuntutan. Kejadian penyakit kritis mengenai Jangkitan HIV Melalui Transfusi Darah, AIDS Dengan Gejala Penuh atau Jangkitan Virus Kurang Daya Tahan Penyakit (HIV) Akibat Pekerjaan adalah dikecualikan. Untuk tujuan ini,
    - (i) definisi untuk AIDS akan menggunakan definisi yang digunakan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) pada tahun 1987, atau sebarang semakan yang berikut oleh WHO pada definisi tersebut.
    - (ii) jangkitan dianggap telah berlaku apabila pada pendapat kami ujian darah dan ujian lain yang berkaitan menunjukkan kewujudan Virus Kurang Daya Tahan Manusia atau Antibodi terhadap virus tersebut.
  - kecacatan kongenital atau penyakit yang didiagnosis sebelum Pemilik Polisi berumur tujuh belas (17) tahun;
  - kecederaan diri yang disengajakan;
  - pengaruh dadah atau alkohol;
  - Pemilik Polisi tidak bersetuju untuk menjalani rawatan atau menentang nasihat doktor pakar; atau
  - Pemilik Polisi hidup kurang daripada tiga puluh (30) hari selepas didiagnosis kejadian Penyakit Kritis.

\*Keadaan sedia ada bermaksud hilang upaya atau penyakit di mana Pemilik Polisi mempunyai pengetahuan yang wajar terhadapnya. Pemilik Polisi dianggap mempunyai pengetahuan yang wajar terhadap penyakit sedia ada jika:-

- (i) Pemilik Polisi telah menerima atau sedang menerima rawatan;
- (ii) nasihat perubatan, diagnosis, jagaan atau rawatan telah dicadangkan;
- (iii) simptom yang jelas dan tepat serta dapat dilihat dengan nyata; atau
- (iv) kewujudannya dapat diperhatikan dengan jelas oleh orang yang sewajarnya dalam keadaan tertentu.

**Catatan: Senarai ini tidak lengkap. Sila rujuk polisi kontrak untuk mendapatkan senarai pengecualian yang lengkap.**

**Apakah antara terma-terma dan syarat-syarat utama yang perlu saya tahu?**

- Kepentingan pendedahan - anda mestilah mendedahkan semua fakta penting seperti keadaan perubatan dan menyatakan umur anda dengan betul.
- Tempoh menunggu - Kelayakan manfaat Rider ini hanya akan bermula:
  - (i) 60 hari selepas tarikh kuat kuasa untuk Kanser, Pembedahan Pintasan Arteri Koronari, Serangan Jantung, Penyakit Arteri Koronari Lain yang Serius;
  - (ii) 30 hari selepas tarikh kuat kuasa untuk Penyakit Kritis yang lain;

daripada Tarikh Pengeluaran atau Tarikh Pengembalian Semula rider ini, mengikut mana-mana yang kemudian.

- Rider ini akan ditamatkan semasa kematian Orang yang Diinsuranskan, tuntutan/ tamat tempoh rider ini atau penyerahan / pembatalan / peluputan rider / polisi asas ini.

**Nota:** Sila merujuk kepada kontrak polisi untuk terma-terma dan syarat-syarat yang terpakai.

**MAKLUMAT PENTING:**

ANDA HARUSLAH MEMASTIKAN BAHAWA RIDERINI AKAN MEMENUHI KEPERLUAN ANDA. ANDA DIKEHENDAKI MEMBACA DAN MEMAHAMI POLISI INSURANSINI DAN BERBINCANG DENGAN EJEN ATAU BERHUBUNG DENGAN KAMI SECARA LANGSUNG UNTUK MAKLUMAT YANG LEBIH TERPERINCI.

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah produk yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Tokio Marine Life Insurance Malaysia Bhd. atau PIDM (layari [www.pidm.gov.my](http://www.pidm.gov.my)).

Maklumat yang disediakan dalam risalah pendedahan ini adalah sah setakat <dd/mm/yyyy>